

03 JUL 2003

Chua-Kolej/I

PENUNTUT KOLEJ MELAKA MANIPAL BOLEH BUAT LATIHAN

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Kabinet membuat keputusan membenarkan penuntut Kolej Perubatan Melaka-Manipal mendaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan menjalani latihan kedoktoran.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hari ini berkata ijazah kedoktoran yang diterima kumpulan pertama penuntut kolej itu juga akan diperakui MMC.

Beliau berkata kumpulan kedua pelajar sedang menjalani latihan kerja turut dibenarkan menjalani latihan kedoktoran (housemanship).

Bagaimanapun, jika pelajar kumpulan kedua itu tidak memiliki kemahiran klinikal, mereka diperlukan menjalani penilaian klinikal selama dua bulan di bawah pengawasan pakar, sebelum dibenarkan mendaftar dan menjadi doktor pelatih, katanya kepada pemberita selepas merasmikan makmal kesihatan awam kebangsaan di sini hari ini.

Chua berkata kolej itu telah diarah mengubah struktur kursus bagi kumpulan ketiga pelajar itu (masih belajar) kepada lima tahun, seperti kolej perubatan lain di negara ini.

Beliau berkata kolej itu kini menggunakan sistem kolej perubatan Manipal di India iaitu pengajian selama empat setengah, diikuti latihan kerja selama setahun sebelum menjadi doktor pelatih.

Sistem perubatan di Malaysia membabitkan pengajian lima tahun dan diikuti latihan kedoktoran.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Kesihatan menyelesaikan secara baik masalah yang dihadapi para penuntut kolej itu selepas MMC mengenakan syarat baru itu.

Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC Datuk Seri S.Samy membangkitkan masalah perakuan ijazah kolej berkenaan oleh MMC, kepada Kabinet.

Kolej perubatan yang beroperasi pada 1997 dan dirasmikan oleh Dr Mahathir pada Julai 2001, menawarkan program kembar MBBS di dua kampusnya di Melaka dan Manipal, India. Ia merupakan kolej swasta pertama di Melaka yang menawarkan pendidikan tinggi dalam bidang perubatan.

Sementara itu, Chua berkata tiga buah makmal baru yang berperanan sebagai makmal wilayah akan dibina di Kota Kinabalu, Kuching dan Kota Baharu dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebagai tambahan kepada makmal kesihatan awam kebangsaan di Sungai Buloh dan dua makmal wilayah di Tampoi, Johor dan Jelapang, Perak.

"Cabaran bagi makmal-makmal ini ialah bagi menyediakan sokongan padu dalam penyiasatan wabak penyakit berjangkit," katanya.

Chua berkata bagi memastikan makmal kebangsaan itu dapat memberikan perkhidmatan terbaik daripada segi penyiasatan penyakit berjangkit dan berbahaya, sebuah kompleks makmal Biokeselamatan Dipertingkatkan Tahap Tiga akan dibangunkan di makmal kebangsaan ini dengan kos RM10 juta.

"Kemudahan ini boleh mengendalikan patogen risiko tiga dan ke atas, iaitu organisma yang boleh merebak melalui penafasan dan menyebabkan jangkitan serius serta meragut nyawa," katanya.

Chua berkata kerajaan memperuntukkan RM10 juta bagi kerja membangunkan sistem maklumat makmal bagi ketiga-tiga makmal kesihatan awam sedia ada, termasuk menghubungkan semua makmal di hospital-hospital Kementerian Kesihatan.

"Projek ini yang dalam proses tender, akan membolehkan pemantauan berasaskan makmal dilaksanakan secara elektronik dan dalam talian selain

meningkatkan keupayaan Kementerian Kesihatan bertindak pantas menghadapi wabak baru," katanya.

Makmal kesihatan awam kebangsaan berharga RM30.4 juta itu berperanan sebagai pusat sumber untuk latihan dan pemantauan jaminan kualiti bagi semua makmal dalam program kesihatan awam.

Makmal kebangsaan ini mempunyai tiga unit -- unit makanan termasuk membantu penyiasatan wabak penyakit bawaan makanan dan air; unit penyakit termasuk pemantauan penyakit berjangkit serta mengenal pasti agen penyebab wabak; dan unit epidemiologi bagi menganalisis maklumat dan hasil kajian makmal di seluruh negara.

Chua berkata makmal kesihatan awam kebangsaan juga sedang giat mengembangkan kaedah dalam teknik kultur tisu, isolasi dan mengenal pasti virus melalui kaedah molekur dan serologi.

-- BERNAMA

RV AHH LAT